

Tenggelam dalam bah

100 kenderaan di tempat parkir Stadium Shah Alam, Pangsapuri Perdana ditenggelami air satu meter

>>Oleh **MOHAMAD NAUFAL**
MOHAMAD IDRIS dan
NORRASYIDAH ARSHAD
am@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Lebih 100 kenderaan yang diletakkan di sekitar kawasan letak kereta Stadium Shah Alam dan Pangsapuri Perdana, Seksyen 13, di sini, ditenggelami air satu meter, malam kelmarin.

Kawasan itu dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat lebih empat jam bermula jam 5 petang kelmarin.

Penduduk Pangsapuri Perdana, Mohd Kamal Syahid Abu Bakar, 22, berkata, dia tidak sempat mengalihkan kereta Perodua Alza miliknya ke tempat tinggi apabila air naik dengan cepat.


Pelajar Management & Science University (MSU) itu berkata, kereta yang baru diberi ibu bapanya enam bulan lalu ditenggelami air sedalam satu meter mengakibatkan bahagian dalam kereta turut digenangi air.

"Saya tak sangka air naik setinggi ini hingga memasuki kereta saya," katanya ketika ditemui malam kelmarin.

Mohd Kamal berkata, sejak tinggal di kawasan itu dua tahun lalu, banjir kilat kerap berlaku namun kejadian kelmarin paling teruk.

Seorang lagi penduduk, Rahman Daud, 34, berkata, dia yang tinggal bersendirian tidak sedar kawasan pangsapuri itu dinaiki air.

"Saya hanya terdengar penduduk mula kecoh me-



PENUH AIR... kawasan pemunggaan logistik di pasaraya Giant seksyen 13 dinaiki air.



TOLAK... pemilik kenderaan dibantu rakan menolak kereta mereka ke kawasan tinggi.



MASUK AIR... Kamal menunjukkan keretanya yang dimasuki air.

FOTO | Osman Adnan dan Adib Rawi Yahya

ngatakan air naik di kawasan itu jam 10 malam tadi (kelmarin). Saya bergegas turun dan mendapati kereta saya ditenggelami air," katanya.

Kejadian itu juga menyebabkan Rahman terpaksa menangguhkan hasratnya untuk pulang ke kampung di Tanah Merah, Kelantan hari ini.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Korporat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, anggota MBSA memantau beberapa lokasi yang sering dinaiki air seperti Kampung Kebun Bunga, Jalan Sungai Rasau serta jalan utama berhampiran sebuah kilang gula di Batu Tiga, di sini, bagi mengawal lalu lintas.

"MBSA sentiasa bersedia menghadapi situasi banjir kilat, malah berhubung dengan Jabatan Meteorologi bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perubahan cuaca.

"Keadaan banjir kilat yang berlaku semalam (kelmarin) tidak mengundang malapetaka dan kejadian buruk. Kawalan diteruskan hingga awal pagi tadi (semalam) selepas air kembali surut," katanya.

Shahrin berkata, orang ramai yang mahu membuat aduan berhubung masalah banjir kilat, pokok tumbang dan tanah runtuh boleh menghubungi bilik gerakan bencana MBSA di talian 03-55105811.